

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU TAMAN/LADANG**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERTANIAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 NOVEMBER 2002

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>				
<b>Gred G17</b>	: P1T1	RM659.93	-	P1T24	RM1724.73
	P2T1	RM701.07	-	P2T24	RM1821.53
	P3T1	RM743.42	-	P3T24	RM1921.96
<b>Gred G22</b>	: P1T1	RM1535.97	-	P1T12	RM2274.07
	P2T1	RM1649.71	-	P2T12	RM2511.23
<b>Gred G26</b>	: P1T1	RM1761.03	-	P1T9	RM2390.23
	P2T1	RM1929.22	-	P2T9	RM2616.50

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - warganegara Malaysia;
    - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ataudan
    - lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Pembantu Taman/Ladang Gred G17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Pembantu Taman/Ladang boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
- Pembantu Taman/Ladang Gred G17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- Pembantu Taman/Ladang Gred G17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
    - memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PROGRAM PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT**
8. Pembantu Taman/Ladang hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G22**
9. Pembantu Taman/Ladang Gred G17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Taman/Ladang Gred G22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G26**
10. Pembantu Taman/Ladang Gred G22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Taman/Ladang Gred G26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI RANCANGAN TANAH**
11. Pembantu Taman/Ladang yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pengurus Taman/Ladang Gred G27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].